



INFO RINGKAS

MAQASID SYARIAH & KELESTARIAN TADBIR URUS



KELESTARIAN TADBIR URUS

berasaskan

KERANGKA MAQASID SYARIAH

PRINSIP 1 MEMELIHARA AGAMA



Memelihara AGAMA adalah tonggak utama kesejahteraan sejagat. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyebut bahawa “Agama Islam adalah agama persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan”.

AGAMA Islam menjamin kesejahteraan, keamanan, kesepaduan dan keharmonian negara.

Pemeliharaan AGAMA bukan sekadar memuliakan agama, malah dapat mengelak daripada ajaran agama dipermainkan dan diselewengkan.

Memelihara AGAMA dapat mengelakkan sikap permusuhan antara pelbagai penganut agama yang boleh menggugat kesejahteraan sejagat.



KELESTARIAN TADBIR URUS

berasaskan

KERANGKA MAQASID SYARIAH

PRINSIP 2 MEMELIHARA NYAWA



Memastikan kelangsungan kehidupan makhluk ciptaan Allah.

Memelihara NYAWA adalah interpretasi kepada memelihara persaudaraan sosial, keadilan, keselamatan hidup dan sebagainya.

Semua rakyat berhak untuk hidup dengan tenang tanpa gangguan, menjadi tanggungjawab kerajaan mengelakkan perkara-perkara yang boleh memudaratkan nyawa rakyat.

Setiap rakyat Malaysia dijamin keselamatan dan keamanan, menikmati kemudahan dan pembangunan yang inklusif dan mengelakkan apa jua kemudaratkan kepada kehidupan.



KELESTARIAN TADBIR URUS

berasaskan

KERANGKA MAQASID SYARIAH

PRINSIP 3 MEMELIHARA AKAL



Memelihara AKAL daripada kerosakan dan memupuknya dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat.

Unsur yang menjurus kepada kehilangan dan merosakkan AKAL serta pemikiran perlu dibanteras dan dihalang dengan segera.

Penyediaan infrastruktur dan sistem pendidikan holistik serta terbaik menjadi tanggungjawab kerajaan bagi membolehkan setiap rakyat mendapat pendidikan sempurna.

AKAL merupakan lambang kewarasan manusia. Individu yang tiada akal tidak akan dapat berfikir dengan rasional. Ia boleh membawa kepada ketidaksejahteraan kepada dirinya sendiri mahupun kepada ahli keluarga dan masyarakat.



| 7 TERAS | | | | | | |
|---|--|---|---|---|---|---|
|  |  |  |  |  |  |  |
| Ekosistem perniagaan & industri | Aktiviti pertumbuhan ekonomi utama | Modal insan | Pasaran buruh & pampasan pekerja | Kesejahteraan sosial | Keterangkuman wilayah | Modal sosial |
| - | - | ✓ | - | - | - | - |

KELESTARIAN TADBIR URUS

berasaskan

KERANGKA MAQASID SYARIAH

PRINSIP 4 MEMELIHARA KETURUNAN

Memelihara **KETURUNAN** melibatkan perlindungan dan pemeliharaan terhadap zuriat dan keturunan keseluruhannya.

KETURUNAN wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat.

Menjaga alam sekitar serta mengekalkan khazanah alam akan menjamin kelangsungan generasi masa hadapan.

Pengwujudan sistem undang-undang keluarga yang komprehensif dapat memelihara maruah dan **KETURUNAN** yang baik.



KELESTARIAN TADBIR URUS *berasaskan* KERANGKA MAQASID SYARIAH

PRINSIP 5 MEMELIHARA HARTA

Memelihara HARTA adalah melindungi HARTA negara dan masyarakat daripada kehancuran, penyelewengan, penindasan dan apa jua bentuk ketidakadilan.

Penjagaan HARTA turut melibatkan aspek penjagaan alam sekitar dan khazanah alam.

Sekalipun seseorang itu memiliki HARTA yang banyak ia dilarang daripada membazirkan atau merosakkannya.

Amalan berzakat, bersedekah dan menderma dapat menjamin ekonomi dan sosial kepada individu dan masyarakat serta kesejahteraan sejagat.

